



KEPENTINGAN SOLAT

Solat merupakan kewajipan utama bagi setiap Muslim sebagaimana Rukun Islam. Solat mempunyai kedudukan yang paling tinggi dalam Islam. Ibadah lain tidak dapat menyamai ibadah ini kerana solat merupakan suatu manifestasi perhubungan insan kepada Allah, mengandungi pelbagai hikmah serta mampu menjadikan individu Muslim itu benar-benar bertaqwa.

Pertama : Solat merupakan tiang agama. Islam akan runtuh apabila solat ditinggalkan penganutnya. Menurut Muaz bin Jabal r.a, Rasulullah s.a.w telah bersabda, "Mahukah kamu aku khabarkan tentang kepala, tiang dan menara semua perkara ? Aku menjawab, "Sudah pasti wahai Rasulullah. Baginda berkata: Kepala semua perkara adalah Islam, tiangnya adalah solat dan menaranya adalah Jihad". (H.R Tarmizi)

Kedua : Solat termasuk dalam perkara penting selepas melafazkan dua kallimah syahadah. Ia merupakan salah satu cara individu Muslim melahirkan rasa syukur serta membuktikan keimanannya. Sabda Rasulullah s.a.w, "Islam dibina atas lima perkara; Mengucap dua kalimah syahadah bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan". (H.R Muslim)

Ketiga : Ibadah solat tidak disyariatkan melalui perantaraan malaikat, tetapi Allah telah mengangkat Rasulullah s.a.w ke langit dengan Allah sendiri mewahyukan fardhu solat lima waktu kepada baginda. Ini berlaku dalam peristiwa Isra & Mikraj.

Keempat : Solat dapat membersihkan segala kesalahan dan dosa. menurut Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w pernah bersabda, "Apa pendapat kamu jika ada sungai di hadapan pintu rumah kamu yang boleh kamu mandi di dalamnya lima kali sehari, adakah masih tertinggal dakinya ? Mereka berkata; Sudah pasti tidak akan tinggal sedikit pun dakinya. Baginda bersabda: Itulah perumpamaan solat lima waktu. Allah telah membersihkan segala kesalahan dengan mengerjakannya". (H.R Bukhari & Muslim)

Kelima : Solat membezakan antara seorang Muslim dengan kafir. Ini bermakna, meninggalkan solat dengan sengaja menjadikan seseorang itu kafir. Dari Jabin bin Abdullah r.a, Rasulullah s.a.w pernah bersabda, "Pembeza antara seorang lelaki Muslim dan syirik atau kufur ialah meninggalkan solat". (H.R Muslim)

Hazrat 'Ubadah bin Somit r.a telah berkata, "Kekasihku Rasulullah s.a.w telah mewasiatkan kepadaku tujuh perkara. Sabda Baginda s.a.w, "Jangan menyengutukan Allah dengan sesuatu apapun, walaupun kamu akan dibunuh atau dibakar atau disalib. Jangan meninggalkan solat dengan sengaja, kerana sesiapa meninggalkan solat dengan sengaja akan terkeluar daripada agama Islam. Jangan melakukan maksiat, kerana perbuatan itu akan menyebabkan kemurkaan Allah dan jangan minum arak, kerana perbuatan ini adalah ibu segala maksiat." (H.R Imam Tabrani)

Keenam : Solat merupakan perkara pertama yang ditanya oleh Allah pada hari kiamat nanti. Abu Hurairah r.a. pernah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, "Perkara pertama yang ditanya kepada seorang hamba pada hari kiamat tentang amalannya ialah solatnya. Jika baik, dia telah berjaya dan maju. Jika rosak, dia telah celaka dan rugi. Jika amalan fardhunya kurang, Allah berkata : Perhatikan adakah hamba Ku melakukan amalan sunat yang boleh menampung kekurangan amalan fardhunya. Kemudian dilakukan perkara yang sama pada amalan-amalan lain". (H.R Al-Nasai & Tarmizi)

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan mengharapkan keredhaan Allah, akan diampunkan segala dosa yang dilakukannya sebelum itu. (HR. Bukhari & Muslim)

Solat Jumaat Dan Amaran Jika Meninggalkannya



Bagi kamu pada setiap Jumaat ada haji dan umrah. Haji ialah awal menghadiri solat Jumaat. Manakala umrah ialah menunggu solat Asar selepas solat Jumaat. (H.R Al-Baihaqi)

Dari Ibnu 'Abbas, Rasulullah s.a.w bersabda, "Barangsiapa meninggalkan (solat) Jumaat tanpa sesuatu darurat, ditulis di dalam buku (catatan amalan) nya munafik yang tidak dapat dipadam atau diganti." (H.R Asy-Syaafi-ii)

Daripada Abi al-Ja'di ad-Dhamriy, Rasulullah s.a.w bersabda, "Barangsiapa yang meninggalkan tiga kali (solat) Jumaat dengan mempermudah-mudahkannya, dicap oleh Allah di atas hatinya (dengan munafik)." (H.R Abu Daud, Tarmizi, An-Nasai Ibnu Majah & Ad-Daaramii).

Solat Jumaat adalah fardu ain, wajib ditunaikan oleh setiap yang mukalaf, melainkan orang yang uzur syarie seperti sakit, musafir, hujan lebat sehingga terputus jalan dan sebagainya. Terdapat pelbagai fadhilat kepada mereka yang mengerjakannya. Daripada Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, "Sesiapa yang berwuduk lalu memperelokkan wuduknya, kemudian dia menuju ke masjid untuk bersolat Jumaat, dia mendengar khutbah dan berdiam diri, diampunkan dosanya yang berlaku antara Jumaat itu dengan Jumaat yang lalu dan ditambah tiga hari lagi". (H.R Muslim, Abu Daud, Tarmizi & Ibnu Majah)

Daripada Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda, "Solat lima waktu, Jumaat ke Jumaat dan Ramadhan ke Ramadhan kesemuanya menjadi kifarah (menghapus dosa) bagi dosa (kecil) yang berlaku diantaranya apabila dijauhi dosa-dosa besar". (H.R Muslim)

Daripada Sahal r.a, bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Bagi kamu pada setiap hari Jumaat ada haji dan umrah. Haji ialah awal menghadiri solat Jumaat. Manakala umrah ialah menunggu solat Asar selepas solat Jumaat. (H.R Al-Baihaqi)

Daripada Sa'ah bin 'Ubadah, "Sesungguhnya hari Jumaat adalah penghulu segala hari dan yang paling agung di sisi Allah, malah ia lebih agung di sisi Allah daripada Hari Raya dan Hari Fitrah. Padanya ada lima keistimewaan, padanya dijadikan Adam a.s. Pada hari itu juga Adam diturunkan. Pada hari itu juga Adam a.s dimatikan. Pada hari itu juga ada satu waktu yang sekiranya seorang hamba berdoa kepada Allah, nescaya akan diberikan selagi dia tidak berdoa sesuatu yang haram. Dan pada hari itu juga akan berlakunya kiamat. Setiap malaikat yang terdekat, langit, bumi, angin, gunung ganang dan lautan kesemuanya merindui ketibaan hari

Jumaat". (H.R Imam Ahmad)
Namun meninggalkan solat Jumaat tanpa sebarang keuzuran adalah berdosa besar, kerana meninggalkan kefarduan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran, seperti firman-Nya yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan solat pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan solat Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli". (Al-Jumuah: 9).

Daripada Malik bin Safwan, telah bersabda Rasulullah s.a.w, "Barangsiapa yang meninggalkan solat Jumaat tiga kali tanpa sebarang keuzuran dan tanpa sebarang alasan yang kukuh maka Allah memateri pintu hatinya". (H.R Imam Malik)

Diriwayatkan daripada Sahal bin Saad r.a katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya di dalam Syurga itu terdapat pintu yang dinamakan Ar-Rayyan. Orang yang berpuasa akan masuk melalui pintu tersebut pada Hari Kiamat kelak. Tidak boleh masuk bersama mereka seorangpun selain mereka. Kelak akan ada pengumuman: Di manakah orang yang berpuasa? Mereka lalu berduyun-duyun masuk melalui pintu tersebut. Setelah orang yang terakhir dari mereka telah masuk, pintu tadi ditutup kembali. Tiada lagi orang lain yang akan memasukinya. (H.R. Bukhari & Muslim)